



KPWKM

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PELANCARAN MASJID SEBAGAI PUSAT TRANSIT KEGANASAN
RUMAH TANGGA (KRT)**

LOKASI / TARIKH / MASA

**MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR /
4 MEI 2021 (SELASA) / JAM 10.00 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Ramadan Al-Mubarak, Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini **sempena Majlis Pelancaran Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga.**
2. Sungguh pantas masa berlalu, **hari ini sudah memasuki Ramadan yang Ke-22.** Sedar tidak sedar, kita sudah berada dalam minggu terakhir Ramadan. Saya berharap semoga Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat menjalani ibadah Puasa dengan sempurna, dan semoga apa yang kita usahakan pada hari ini mendapat ganjaran dan maghfirah daripada Allah SWT di bulan Ramadan yang penuh keampunan dan kemuliaan ini.

(B) MASJID MEMPERKASA LEGASI UMMAH

Sidang hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

3. Tidak dapat dinafikan bahawa masjid merupakan sebuah institusi ibadah yang kian berkembang, sejajar dengan arus peredaran zaman dan memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai **sebuah institusi yang membina kemajuan ummah.**
4. Di Malaysia contohnya, sejarah kewujudan masjid juga dapat dilihat sebagai sebuah tempat penting **sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka yang mana masjid dan juga surau memainkan peranan yang**

signifikan sebagai pusat pembelajaran dan juga penyebaran agama Islam.

5. Dalam era moden pada masa kini, sebagai umat Islam, **kita mempunyai peranan yang cukup besar untuk memakmurkan Masjid.** Kita harus mempromosikan Masjid sebagai wadah penyatuan umat Islam serta menghidupkan kembali peranan masjid dengan pelbagai aktiviti keagamaan dan pembangunan ummah; yang mana telah terbukti membawa umat Islam ke puncak peradaban teragung pada suatu ketika dahulu.

6. Pada hari ini, sejarah tercipta lagi, bahawa fungsi masjid bukan sekadar tempat ibadah, tempat pembelajaran dan penyebaran agama Islam, **malah fungsi masjid diperluaskan dengan menjadikan masjid**

sebagai Pusat Transit Perlindungan bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga.

(C) PUSAT TRANSIT BAGI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian,

7. Sesungguhnya usaha menjadikan masjid sebagai Pusat Transit Perlindungan bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga ini **merupakan inisiatif yang amat tepat dengan objektif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memastikan golongan wanita dilindungi dan sekaligus mewujudkan komuniti yang prihatin dan peka terhadap persekitaran yang berlaku.**

8. Menelusuri hasrat ini, perbincangan awal telah dibuat antara **Timbalan Menteri saya, YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff bersama YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri Hal Ehwal Agama dalam memperhalusi cadangan menjadikan masjid sebagai institusi rujukan dan menyantuni masyarakat terutamanya bagi golongan yang menjadi mangsa keganasan rumahtangga.**

9. Sesungguhnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat berterima kasih terhadap usaha pihak JAWI yang memasukkan elemen ini sebagai salah satu aktiviti di bawah **Teras Sosial, Komuniti dan Alam Sekitar seperti yang terkandung dalam Pelan Pengimarahannya Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024.**

10. Saya yakin dan percaya bahawa **Projek Rintis Masjid Sebagai Pusat Transit Perlindungan bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga ini bukan sahaja dapat membantu mangsa Keganasan Rumah Tangga mendapatkan tempat berlindung dan pertolongan dengan lebih cepat** bahkan dapat mempelbagaikan fungsi dan peranan masjid kepada komuniti dalam era ini.

(D) PERANAN DAN FUNGSI MASJID DALAM MELINDUNGI WANITA DAN MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

Hadirin hadirat, tetamu yang saya muliakan,

11. Untuk makluman semua, kes keganasan rumah tangga memerlukan perhatian semua pihak. Menurut Statistik Polis Diraja Malaysia sepanjang Januari hingga Disember 2020, sebanyak 5260 kes keganasan rumah tangga telah dibuka kertas siasatan. Manakala merujuk kepada statistik Talian Kasih KPWKM, dari Januari hingga Disember 2020, sebanyak 2540 kes keganasan rumah tangga telah diterima. Bagi empat bulan pertama untuk tahun 2021 iaitu dari Januari hingga April, sebanyak 902 kes Keganasan Rumah Tangga telah dilaporkan. Statistik ini ternyata menunjukkan isu keganasan rumah tangga memerlukan intervensi dan kerjasama pelbagai pihak.
12. Justeru, bercakap tentang penglibatan pelbagai pihak, suka saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Polis Diraja Malaysia khususnya Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan

Kanak-kanak Bukit Aman kerana sentiasa bersama KPWKM dalam usaha menangani isu keganasan terhadap wanita dan kali ini bersama - sama dengan **pihak JAWI dalam mempermudah urusan mangsa** khususnya dalam membuat laporan polis atas keganasan yang dilakukan oleh pasangan mangsa.

13. **Terima kasih kepada Ketua - Ketua Balai Polis** yang juga difahamkan terlibat sama semasa perbincangan dan pembangunan **SOP pengurusan mangsa Keganasan Rumah Tangga di Pusat Transit ini.**

(E) **MODUL SKUAD WAJA**

Hadirin dan Hadirat sekalian,

14. **Mangsa Keganasan Rumah Tangga sememangnya memerlukan bantuan masyarakat setempat.** Mereka ini sudahlah diganasi, didera secara fizikal dan mental, maka adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membantu mangsa Keganasan Rumah Tangga ini dengan menyediakan tempat sementara bagi mereka mendapatkan perlindungan sewajarnya.

15. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengambil inisiatif awal dengan membangunkan modul bersesuaian sebagai

rujukan oleh pegawai-pegawai JAWI yang dilantik bertugas di pusat transit ini nanti.

16. **Modul Skwad WAJA yakni “Wanita Anti Jenayah” telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia** yang memfokuskan kepada penyampaian ilmu dan kemahiran asas psikologi dalam usaha meningkatkan keseimbangan sendiri, keluarga, komuniti setempat dan masyarakat keseluruhannya. Difahamkan seramai **19 orang pegawai JAWI dan masjid telah pun menjalani sesi latihan Skwad WAJA** awal tahun ini. Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat.

17. Untuk makluman semua, Modul Skuad WAJA ini melibatkan konsep seperti berikut:

1) **E.A.R.S**

- Di bawah konsep E.A.R.S ini terdapat empat **(4) aspek utama telah dikenalpasti dalam proses membantu iaitu Empati (Empathy), Attensi (Attention), Respon (Response) dan Sokongan (Support)**. Keempat-empat elemen ini adalah kemahiran asas yang diajar, sangat penting dan mudah diaplikasikan oleh setiap pegawai yang telah dilatih.

2) Slot Wanita Anti Jenayah (WAJA)

- Slot ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu keganasan khususnya terhadap wanita bagi memastikan wanita tidak berterusan menjadi mangsa keganasan dan menjadikan wanita lebih bijak, dalam konteks masyarakat setempat di negara ini.

18. Suka saya berkongsi jua, dalam menyantuni mangsa keganasan rumah tangga di pusat transit ini kelak, setiap mangsa akan dibekalkan dengan Kit Persalinan. Kit Persalinan ini antaranya mengandungi Baju dan Seluar, Selimut, Tuala Mandi, Peralatan Mandi dan Keperluan Asas Wanita.

19. Meskipun barangan ini mungkin tidak seberapa, namun diharapkan dengan Kit Persalinan ini dapat **membantu kelengkapan mangsa semasa dilindungi di pusat transit ini kelak dari berteduh dengan keadaan “sehelai sepinggang”** tanpa sebarang kelengkapan asas sewaktu hadir memohon perlindungan di masjid kelak.

(F) PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian yang dirahmati Allah,

20. Pelancaran Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga **yang dimulakan di Wilayah Persekutuan ini membuktikan bahawa usaha kerajaan persekutuan dan agensi agama peringkat negeri dalam melindungi dan menangani mangsa keganasan rumah**

tangga adalah tanggungjawab bersama. Ia juga merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat. Justeru, semua inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh KPWKM dan JAWI yang ditunjukkan melalui projek rintis ini diharapkan dapat diperluaskan ke masjid-masjid di negeri lain bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga.

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan **terima kasih kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atas kerjasama bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menjadikan inisiatif ini satu kenyataan. Mengambil keberkatan bulan Ramadan Al-Mubarak ini, saya mendoakan agar usaha murni kita hari ini beroleh keberkatan dan**

dapat memanfaatkan ramai wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga di luar sana.

22. Akhirul kalam, izinkan saya berkongsi kata-kata mutiara dari **Imam Hassan Al-Bashri, yang berpesan “Lakukanlah kebaikan sekecil apapun, kerana kita tidak pernah tahu kebaikan apa yang akan membawa kita ke syurga.”**

Dengan ini, saya sudahi dengan lafaz *Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
4 Mei 2021**